



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 SEPTEMBER 2018 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | | |
|---|---------------------------------|----|
| - | MC perlu bincang aduan penduduk | 24 |
|---|---------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 SEPTEMBER 2018 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	MC perlu bincang aduan penduduk
Muka Surat	24



MC perlu bincang aduan penduduk

PANDAN INDAH - Dua pihak Perbadanan Pengurusan (MC) di sebuah pangaspuri di Pandan Indah perlu mengadakan perbincangan dengan Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bagi menyelesaikan pelbagai isu yang dibangkitkan penduduk.

Adun Pandan Indah, Ir Izham Hashim berkata, beliau telah mengarahkan Ahli Majlis MPAJ, Lim Tim Chai mengadakan perjumpaan dengan MC pangaspuri berkenaan dalam masa terdekat.

"Penduduk telah membangkitkan pelbagai isu infrastruktur seperti bantuan kerja membaik pulih sistem saliran bumbung, longkang pecah serta tersumbat, jalan berlubang dan isu jalan yang telah ditutup di pangaspuri tersebut," katanya.

Izham yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor berkata, jika mahu menutup jalan, pihak MC yang terlibat perlu mendapatkan sokongan sebanyak 75 peratus penduduk di sini.

"Jika kurang sokongan tersebut secara

bertulis, maka perlaksanaan tutup jalan ini tidak sah. Tim Chai akan menemui kedua-dua MC pangaspuri ini untuk memperbetulkan keadaan tempat ini.

"Mereka perlu memikirkan dua perkara iaitu keperluan rakyat di sini dan keadaan kecemasan jika berlaku perkara yang tidak diingini," katanya.

Izham berkata, beliau turut menyarankan penduduk dan MC membuat aduan secara bertulis kepada pihaknya.

"Saya akan meneliti dan menyemak satu persatu aduan tersebut dan berjanji akan cuba menyelesaikan masalah ini," katanya ketika berucap pada Program Mesra Bersama Izham Hashim, di sini, semalam.

Beliau berkata, Kerajaan Selangor telah menyediakan Skim Ceria bagi tujuan baik pulih kerosakan harta bersama pangaspuri kos rendah dan sederhana rendah.

"Saya juga berharap pangaspuri ini turut mendapat bantuan membaik bumbung atau cat, kita cuba dapatkan bajet daripada kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan untuk kerja baik pulih," katanya.